

# TEMA SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM KARANGAN

Soalan penulisan yang dikemukakan lazimnya meminta murid untuk menulis karangan yang berkaitan dengan perkara berikut:

1. **Kepentingan sains dan teknologi dalam kehidupan manusia**
2. **Kebaikan yang diperoleh apabila murid mempelajari ilmu sains dan teknologi**  
**Kebaikan dan keburukan alat ciptaan sains dan teknologi kepada manusia**
3. **Langkah yang perlu dilakukan untuk menarik minat murid dalam bidang sains dan teknologi**
4. **Kesan penggunaan pelbagai ciptaan sains, teknologi dan komunikasi terhadap manusia**
5. **Kebaikan dan keburukan penggunaan telefon bimbit**
6. **Kepentingan Internet kepada murid**
7. **Kebaikan dan keburukan media massa dan media sosial**
8. **Kepentingan kemajuan sains dan teknologi dalam bidang Pendidikan**

Berpandukan topik dan tajuk yang dikemukakan, didapati bahawa aspek penting yang mendasarinya ialah **kebaikan** dan **keburukan**. Oleh sebab itu, perkara terpenting yang perlu dikuasai ialah murid mestilah mengetahui isi penting, huraian, dan contoh yang bersesuaian tentang kebaikan dan keburukan sains dan teknologi serta alat atau ciptaan sains yang terkini.

## Isi penting penulisan bertemakan sains dan teknologi:

- memudahkan tugas harian
- membantu guru dalam bidang pendidikan
- memudahkan komunikasi
- menghiburkan dan merehatkan fikiran

## KEBAIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Pelbagai kesalahan bahasa terdapat dalam karangan ini. Kenal pasti kesalahan-kesalahan dengan menandakan:

- (i) tanda garis ( \_\_\_\_\_ ) → kesalahan pelbagai sistem bahasa;
- (ii) tanda palang atau miring ( / ) → kesalahan ejaan;
- (iii) tanda palang atau miring berulang ( // ) → kesalahan ejaan berulang; dan
- (iv) tanda bulatan ( ○ ) → kesalahan tanda baca.

Kemudian, betulkan kesalahan-kesalahan.

Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan lagi adalah bidang sains dan teknologi amat penting sekali dalam kehidupan manusia pada masa kini. Tanpa kemajuan di bidang sains dan teknologi, kehidupan

manusia pasti tidak akan menjadi seperti sekarang yang pesat dengan perbagai kemudahan-kemudahan, dan kesenangan kehidupan.

Di antara kepentingannya termasuklah memudahkan tugas harian manusia. Contohnya di rumah, kita menggunakan mesin basuh, peti sejuk, alat penyaman udara dan pelbagai barangan lain untuk memastikan agar tugas harian dapat dilaksanakan dengan lancar.

Selain daripada itu, kita dapat berkomunikasi dengan mudah melalui peralatan seperti telefon bimbit yang dihubungkan melalui capaian internet. Kita tidak dapat menyangkal bahawa internet telah mengubah kehidupan manusia. Ini adalah kerana kita dapat berinteraksi dengan orang yang jauh dengan menggunakan pelbagai kaedah seperti emel dan panggilan video.

Disamping itu kemajuan dalam bidang pendidikan juga dibantu dengan penggunaan peralatan seperti komputer dan projektor paparan kristal cecair. Tugas guru untuk mengajar menjadi lebih mudah apabila guru dapat memanfaatkan sumber teknologi dalam bidang pendidikan dengan lebih meluas.

Akhirnya kita dapat berhibur dan merehatkan fikiran selepas penat belajar dan berkerja dengan menonton televisyen, melayari internet dan mendengar radio. Waktu rehat kita boleh diisi dengan hiburan yang berkualiti. Perkara ini memberi peluang kepada kita demi untuk menenangkan fikiran dan menjadi gembira.

Kesimpulannya kemajuan di bidang sains dan teknologi amat sangat mustahak bagi mendepani cabaran dalam dunia yang semakin pesat dan maju. Oleh kerana itu, kita hendaklah memanfaatkannya dengan berhemah agar kemajuan tersebut memberi impak yang positif kepada diri kita

*Bimbingan Efektif,  
Sukses Terjamin!*